



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015**

---

**KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA  
DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSendirian**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian.

**LATAR BELAKANG**

2. Selaras dengan hasrat mengutamakan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam, Kerajaan telah melaksanakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian dengan premium insurans ditanggung oleh Kerajaan.

3. Kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004, Surat Edaran JPA(S)187/20 Klt. 7(39) bertarikh 30 November 2010 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2012.

## PELAKSANAAN

### Pegawai yang Layak

4. Kemudahan perlindungan insurans kesihatan atas urusan persendirian diperuntukkan kepada:

- (i) pegawai yang dilantik secara tetap, sementara, dan kontrak; dan
- (ii) pegawai yang ditempatkan berkhidmat di luar negara yang berada di negara ketiga atas urusan persendirian. Bagi maksud Pekeliling Perkhidmatan ini, “**negara ketiga**” bermakna negara selain daripada negara di mana pegawai ditempatkan berkhidmat dan Malaysia.

### Pelaksanaan Perlindungan Insurans Kesihatan

5. Perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian dilaksanakan seperti yang berikut:

- (i) terhad kepada diri pegawai sahaja;
- (ii) meliputi perbelanjaan perubatan, hospital dan rawatan;
- (iii) had amaun perlindungan insurans kesihatan adalah seperti yang dinyatakan dalam sijil insurans kesihatan yang dikemukakan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan;
- (iv) sekiranya kos rawatan sebenar melebihi daripada had amaun perlindungan yang ditetapkan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan, perbezaan kos akan ditanggung oleh Kerajaan tertakluk

pada kelulusan Perbendaharaan Malaysia;

- (v) Kementerian/Jabatan/Agensi akan membayar premium kepada syarikat penanggung insurans;
- (vi) kemudahan perlindungan insurans kesihatan ditanggung oleh Kerajaan terhad kepada **sekali dalam setiap tahun kalendar**; dan
- (vii) tempoh perlindungan insurans kesihatan **tidak melebihi 31 hari mulai tarikh perjalanan**.

### **Tanggungjawab Pegawai**

6. Pegawai hendaklah:

- (i) mendapatkan kelulusan Ketua Jabatan/Ketua Perwakilan untuk ke luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian menggunakan Borang Permohonan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan ke Luar Negara/Negara Ketiga Atas Urusan Persendirian seperti dalam **Lampiran A**;
- (ii) memastikan telah menerima sijil dan kad insurans kesihatan sebelum memulakan perjalanan ke luar negara/negara ketiga; dan
- (iii) memaklumkan perubahan tarikh/negara atau pembatalan urusan ke luar negara/negara ketiga serta pembatalan berkhidmat di luar negara kepada syarikat penanggung insurans kesihatan dan Ketua Jabatan/Ketua Perwakilan sebelum tarikh perubahan dengan menggunakan borang seperti dalam **Lampiran B**.

## **Tanggungjawab Ketua Jabatan/Ketua Perwakilan**

7. Ketua Jabatan/Ketua Perwakilan hendaklah:
- (i) mengemukakan Borang Permohonan Kemudahan Perlindungan Insurans Kesihatan ke Luar Negara/Negara Ketiga Atas Urusan Persendirian pegawai kepada syarikat penanggung insurans kesihatan yang dilantik oleh Kerajaan;
  - (ii) mengemukakan satu salinan borang berkenaan kepada kementerian masing-masing di dalam negara yang akan menguruskan pembayaran bagi pegawai yang ditempatkan berkhidmat di luar negara;
  - (iii) memastikan sijil dan kad insurans kesihatan diterima daripada syarikat penanggung insurans kesihatan dan menyerahkan kepada pegawai sebelum bertolak ke luar negara/negara ketiga;
  - (iv) menyemak tuntutan premium insurans kesihatan yang dikemukakan oleh syarikat penanggung insurans kesihatan;
  - (v) membuat bayaran mengikut kadar sebenar premium insurans kesihatan yang berkaitan;
  - (vi) Kementerian/Jabatan/Agensi akan mengutip balik bayaran premium insurans kesihatan yang telah dibayar kepada syarikat penanggung insurans kesihatan daripada pegawai yang tidak menepati peraturan pada perenggan-perenggan 4 hingga 6 di atas;
  - (vii) mendapatkan kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia mengenai perbezaan kos seperti yang dinyatakan pada perenggan 5(iv) Pekeliling Perkhidmatan ini dan membayar kepada pihak

yang menuntut; dan

- (viii) merekodkan kelulusan kemudahan perlindungan insurans kesihatan dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

### **Tanggungjawab Syarikat Penanggung Insurans Kesihatan**

- 8. Syarikat penanggung insurans kesihatan hendaklah:
  - (i) mengemukakan tuntutan bayaran premium insurans kesihatan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing yang berkenaan; dan
  - (ii) segera mengeluarkan sijil dan kad insurans kesihatan yang mengesahkan bahawa pegawai berkenaan telah mempunyai perlindungan insurans kesihatan serta memaklumkan nombor rujukan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai sama ada melalui mel biasa, faks, mel elektronik, sistem pesanan ringkas atau telefon.

### **Syarikat Penanggung Insurans Kesihatan yang dilantik oleh Kerajaan**

- 9. Kerajaan telah melantik syarikat penanggung insurans kesihatan seperti dalam **Lampiran C** bagi pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian.

### **TARIKH KUAT KUASA**

- 10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **23 Ogos 2015**.

## **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk pada pemakaian Pekeliling Perkhidmatan ini oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **PEMBATALAN**

12. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004, Surat Edaran JPA(S)187/20 Klt. 7(39) bertarikh 30 November 2010 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2012 adalah **dibatalkan**.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

20 Ogos 2015

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015**

---

**BORANG PERMOHONAN  
KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KE LUAR NEGARA/NEGARA KETIGA  
ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

**BORANG PERMOHONAN KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KE LUAR NEGARA/NEGARA KETIGA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

**DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015**

**Arahan:** Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**.

**BAHAGIAN I : BUTIRAN DIRI PEGAWAI**

1. Nama Penuh :
2. Jawatan/Gred Hakiki :
3. No. Kad Pengenalan :
4. No. Pasport Antarabangsa :
5. Alamat Jabatan dan No. Telefon :
6. Alamat Rumah dan No. Telefon :
7. E-mel :

**BAHAGIAN II : BUTIRAN LAWATAN**

8. Negara dilawati :
9. Tujuan lawatan :
10. Tarikh lawatan : mulai (tarikh bertolak dari Malaysia/negara pegawai berkhidmat) :   
 sehingga (tarikh tiba di Malaysia/negara pegawai berkhidmat) :   
 jumlah hari lawatan :  hari

**BAHAGIAN III : BUTIRAN KEMUDAHAN PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN**

*(jika pegawai belum menggunakan kemudahan insurans kesihatan dalam tahun ini)*

11. **Butir Diri Waris :**
  - (i) Nama waris :
  - (ii) No. Kad Pengenalan :
  - (iii) Hubungan dengan pegawai :
  - (iv) Alamat rumah :
  - (v) No. Telefon :
  - (vi) E-mel :
12. Sila kemukakan tuntutan bayaran premium insurans kesihatan kepada alamat di bawah :



**BAHAGIAN IV : PENGESAHAN PEGAWAI**

13. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian I, II dan III adalah benar** dan memohon kelulusan kemudahan perlindungan insurans kesihatan ke luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian mulai ..... sehingga .....

Tandatangan :

Nama penuh :

Tarikh :

**BAHAGIAN V : PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN KETUA JABATAN/KETUA PERWAKILAN****KEGUNAAN PEJABAT**

14. Permohonan ke luar negara/negara ketiga bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN\***. Saya dengan ini mengesahkan bahawa permohonan kemudahan perlindungan insurans kesihatan ke luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian pegawai **MEMATUHI/TIDAK MEMATUHI\*** peraturan sebagaimana ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2015.

Tandatangan :

Nama dan cap rasmi :

Jawatan :

Tarikh :

*\*potong mana yang tidak berkenaan*



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015**

---

**BORANG PERUBAHAN TARIKH/NEGARA ATAU PEMBATALAN  
PERMOHONAN/POLISI PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN  
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA  
DI LUAR NEGARA/NEGARA KETIGA  
ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

**BORANG PERUBAHAN TARIKH/NEGARA ATAU PEMBATALAN PERMOHONAN/POLISI  
PERLINDUNGAN INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG BERADA DI LUAR NEGARA/NEGARA KETIGA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

**DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015**

**Arahan:** Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**.  
Sila isikan **Bahagian II** jika mengubah tarikh/negara atau **Bahagian III** jika membatalkan  
urusan ke luar negara/negara ketiga.

**BAHAGIAN I : BUTIRAN DIRI PEGAWAI**

1. Nama Penuh :
2. Jawatan/Gred Hakiki :
3. No. Kad Pengenalan :
4. Alamat Jabatan dan No. Telefon :
5. E-mel :

**BAHAGIAN II : PERUBAHAN TARIKH/NEGARA**

6. **Butiran Lawatan Lama**
  - (i) Negara dilawati :
  - (ii) Tarikh lawatan : mulai (tarikh bertolak dari Malaysia/negara pegawai berkhidmat) :   
sehingga (tarikh tiba di Malaysia/negara pegawai berkhidmat) :   
jumlah hari lawatan :  hari
7. **Butiran Lawatan Baru**
  - (i) Negara dilawati :
  - (ii) Tarikh lawatan : mulai (tarikh bertolak dari Malaysia/negara pegawai berkhidmat) :   
sehingga (tarikh tiba di Malaysia/negara pegawai berkhidmat) :   
jumlah hari lawatan :  hari

**BAHAGIAN III : PEMBATALAN PERMOHONAN/POLISI PERLINDUNGAN INSURANS  
KESIHATAN**

(sila tandakan ✓ di mana berkenaan)

8. **Saya ingin membatalkan :**

Permohonan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian (sekiranya polisi belum dikeluarkan); atau

Polisi insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian. No. Sijil .....

**BAHAGIAN IV : PENGESAHAN PEGAWAI**

9. Saya dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa maklumat di atas adalah benar.
 

Tandatangan :

Nama penuh :  Tarikh :

**SYARIKAT PENANGGUNG INSURANS KESIHATAN  
KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
YANG BERADA DI LUAR NEGARA/NEGARA KETIGA  
ATAS URUSAN PERSENDIRIAN**

**[DI BAWAH PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2015]**

Kerajaan telah melantik **Syarikat Takaful Malaysia Berhad** sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara/negara ketiga atas urusan persendirian untuk tempoh tiga (3) tahun mulai **23 Ogos 2015 sehingga 22 Ogos 2018**. Skim perlindungan yang digunakan adalah **Takaful My Ar-Rehlah**. Sebarang pertanyaan berkaitan skim perlindungan ini bolehlah dikemukakan kepada syarikat tersebut seperti alamat di bawah:

**SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD (131646-K)**  
26TH FLOOR, ANNEXE BLOCK  
MENARA TAKAFUL MALAYSIA  
NO. 4, JALAN SULTAN SULAIMAN  
**50000 KUALA LUMPUR**

**TELEFON : 603-22681984**  
**FAKS : 603-22747568**  
**E-MEL : [csu@takaful-malaysia.com.my](mailto:csu@takaful-malaysia.com.my)/[services@myarrehlah.my](mailto:services@myarrehlah.my)**